

## SURAH BINATANG TERNAKAN



Surah: 6 Juzuk: 7/8 Bil. Ayat: 165

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. Segala puji bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi serta yang menjadikan gelap dan terang. Dalam pada itu, orang yang kafir menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka.
2. Dialah yang menciptakan kamu daripada tanah. Kemudian Dia menentukan ajal<sup>(1)</sup> dan juga ajal<sup>(2)</sup> yang tertentu di sisiNya. Dalam pada itu kamu masih ragu-ragu (tentang hari kebangkitan).
3. Dan Dialah Allah (yang disembah) di langit dan di bumi. Dia mengetahui apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan. Dia juga mengetahui apa yang kamu usahakan.
4. Tidak ada satu ayat pun daripada ayat-ayat<sup>(3)</sup> Tuhan mereka yang datang kepada mereka (yang kafir) melainkan mereka selalu berpaling daripadanya.
5. Sesungguhnya mereka telah mendustakan kebenaran (al-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ  
وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ ثُمَّ الَّذِينَ  
كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلَآ  
وَأَجَلَ مُّسَمًّىٰ عِنْدَهُ ثُمَّ أَنْتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾

وَهُوَ اللَّهُ فِي السَّمَوَاتِ وَفِي الْأَرْضِ يَعْلَمُ  
سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا  
كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤﴾

فَقَدْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ فَسَوْفَ يَا تِيهِمْ  
أَبْتُلُوهُمَا مَا كَانُوا يَءِبُونَ ﴿٥﴾

1 Kematian.

2 Hari kebangkitan.

3 Iaitu mukjizat al-Quran atau peristiwa yang terjadi dalam dunia ini yang menunjukkan kekuasaan Allah.

Quran) ketika ia datang kepada mereka. Maka, akan datang kepada mereka berita yang mereka selalu persendakan.

6. Apakah mereka tidak memerhatikan berapa banyak generasi yang Kami telah binasakan sebelum mereka, sedangkan Kami telah meneguhkan kedudukan mereka di bumi yang tidak Kami berikan kepada kamu. Kami juga menurunkan hujan ke atas mereka dengan lebatnya. Kami menjadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, lalu Kami binasakan mereka kerana dosa-dosa mereka. Kami telah ciptakan selepas mereka umat yang lain.

7. Dan kalau Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) sebuah kitab pada kertas, lalu mereka menyentuhnya dengan tangan mereka, pasti orang yang kafir itu berkata: «Ini tidak lain hanyalah sihir yang nyata».

8. Dan mereka berkata: «Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) seorang malaikat<sup>(1)</sup>?» Sedangkan kalau Kami turunkan kepadanya malaikat tentu semua urusan akan selesai<sup>(2)</sup>, kemudian mereka tidak diberi tangguh.

الَّذِينَ يَرَوْنَ كَمَا نَزَّلْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قُرْآنٍ  
مَكَّنَّهِمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ يُمْكِنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا  
السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي  
مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاكُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَآتَيْنَا مِنْ  
بَعْدِهِمْ قُرْآنًا آخَرَ ﴿٦﴾

وَلَوْ نَزَّلْنَاهُ عَلَىٰ كِتَابٍ فِي قُرْطَابٍ لَمَسُّهُ بِأَيْدِيهِمْ  
لَقَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا أَسْحَرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

وَقَالُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْهِ مَلَكٌ وَلَوْ أَنزَلْنَا مَلَكَ  
لَقُضِيَ الْأَمْرُ لَنَا لَا يُظَنُّونَ ﴿٨﴾

1 Untuk menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w itu seorang nabi.

2 Kalau diturunkan kepada mereka malaikat sedang mereka tidak juga beriman, tentulah mereka akan diazab oleh Allah sehingga mereka binasa semuanya.

9. Dan sekiranya (rasul) itu Kami jadikan malaikat, pasti Kami jadikan dia berupa seorang lelaki dan tentulah Kami menyebabkan mereka menjadi ragu-ragu sebagaimana mereka sengaja ragu-ragu<sup>(1)</sup>.
10. Sesungguhnya telah dipersenda beberapa rasul sebelummu lalu mereka yang mempersendakan itu, ditimpakan apa yang telah mereka persendakan (azab).
11. Katakanlah: «Berjalanlah di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan orang yang berdusta».
12. Katakanlah: «Untuk siapakah segala yang ada di langit dan di bumi?» Katakanlah: «(Semuanya itu) adalah milik Allah. Dia telah menetapkan atas diriNya untuk memberi rahmat. Sesungguhnya Dia akan menghimpunkan kamu pada hari kiamat yang tidak ada sebarang syak padanya». Orang yang merugikan diri sendiri maka mereka itu orang yang tidak beriman.
13. Dan bagi Allah jualah apa yang ada pada waktu malam dan siang. Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
14. Katakanlah (wahai Muhammad): «Apakah aku akan menjadikan pelindung selain daripada Allah

وَأَوْجَعْنَاهُ مَلَكَ لَجَعْنَاهُ رَجُلًا  
وَلَكَبَسْنَا عَلَيْهِمْ مَا يَلِيْسُونَ ﴿٩﴾

وَلَقَدْ أَسْتَهْزَيْتُمْ بُرْسِلَ مِنْ قَبْلِكَ فَحَاقَ  
بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا يَهْتَفُونَ  
بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿١٠﴾

فَلْيَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ تَنْظُرُوا كَيْفَ  
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١١﴾

قُلْ لِمَنْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قُلْ لِلَّهِ  
كُتِبَ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةُ لِيَجْمَعَ كُفْرًا  
إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَأَدْبَبَ فِيهِ الَّذِينَ خَسِرُوا  
أَنْفُسَهُمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢﴾

﴿١٣﴾ وَ لَهُ مَا سَكَنَ فِي اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَهُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٤﴾

قُلْ أَعَزَّ اللَّهُ أَنْ تَخَذُوا لِي سَافِرِينَ  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ

1 Mereka meragui tentang kebenaran Muhammad s.a.w.

yang menciptakan langit dan bumi, sedangkan Dia yang memberi makan dan bukan Dia yang diberi makan?» Katakanlah: «Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepadaNya dan jangan sama sekali engkau termasuk dalam golongan orang musyrik itu».

15. Katakanlah: «Sesungguhnya aku takut terhadap azab hari yang besar<sup>(1)</sup> jika aku menderhakai Tuhanku».
16. Sesiapa yang dijauhkan azab daripadanya pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya. Itulah kejayaan yang nyata.
17. Jika Allah menimpakan engkau dengan suatu bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya kecuali Dia sendiri. Jika Dia melimpahkan engkau dengan kebaikan, maka Dia adalah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.
18. Dan Dialah yang berkuasa ke atas hamba-hambaNya. Dialah jua Yang Maha Bijaksana serta Amat Mendalam Pengetahuannya.
19. Tanyalah (wahai Muhammad): «Apakah ada sesuatu yang lebih besar persaksiannya?»

وَلَا يَطْعَمُهُ قُلُوبِي أَمَرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ  
مَنْ أَسْمَهُ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٥﴾

قُلْ إِنِّي أَخَافُ أَنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ  
عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

مَنْ يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُ بَوْمَئِذٍ  
أَلْقَوْهُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

وَإِنْ يَمَسُّكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ  
إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمَسُّكَ إِخَيْرٌ فَهُوَ عَلَى  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

وَهُوَ الْغَافِقُ فَوقَ عِبَادِهِ وَهُوَ  
الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿١٨﴾

قُلْ أَيُّ شَيْءٍ أَكْبَرُ شَهَادَةً قُلْ اللَّهُ شَهِيدٌ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ  
وَأَوْحَىٰ إِلَيَّ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْ لَا تَذَرُكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ أَتَيْكُمْ

1 Hari Kiamat.

Katakanlah: «Allah menjadi saksi antaraku dengan kamu dan diwahyukan kepadaku al-Quran ini agar aku memberi peringatan dengannya kepada kamu dan juga kepada sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan al-Quran itu. Adakah kamu benar-benar mengakui bahawa ada beberapa tuhan yang lain bersama-sama Allah?» Katakanlah: «Aku tidak mengakuinya». Katakanlah lagi: «Hanya Dialah sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku bebas daripada apa yang kamu sekutukan».

20. Orang yang telah Kami berikan al-Kitab kepada mereka, mereka mengenalinya (Muhammad), sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka sendiri. Orang yang merugikan diri sendiri maka mereka itu orang yang tidak beriman.
21. Dan siapakah lagi yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan pendustaan terhadap Allah atau mendustakan ayat-ayatNya? Sesungguhnya orang yang zalim itu tidak akan berjaya.
22. Dan pada hari Kami menghimpunkan mereka, kemudian Kami berfirman kepada orang musyrik: «Manakah sembahsan-sembahsan yang dahulu kamu katakan (sekutu Allah)?»

لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ اللَّهِ إِلَهَةً أُخْرَى قُلْ لَا أَشْهَدُ  
قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَهٌُ وَاحِدٌ وَإِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ  
أَبْنَاءَهُمْ هُمُ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فَهُمْ  
لَا يُؤْفَكُونَ ﴿٢٠﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ  
بِعَايَاتِهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿٢١﴾

وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا آلَيْنَ  
شُرَكَائِكُمْ الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٢٢﴾

23. Kemudian tidak ada jawapan bohong mereka selain daripada mereka berkata dengan dusta: «Demi Allah Tuhan kami, kami tidak pernah menjadi orang yang mempersekutukan Allah».
24. Perhatikanlah bagaimana mereka berdusta terhadap diri mereka sendiri dan bagaimana hilang daripada mereka apa yang telah mereka ada-adakan (sebagai sekutu Allah) itu.
25. Dan di antara mereka ada yang mendengar (bacaan al-Quran), sedangkan Kami telah menjadikan hati mereka tertutup yang menghalang mereka daripada memahaminya. Kami menjadikan telinga mereka tersumbat (pekak) dan walaupun mereka melihat segala mukjizat, mereka tetap tidak akan beriman kepada mukjizat itu sehingga apabila mereka datang kepadamu sambil membantahmu, orang yang kafir itu berkata: «Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang terdahulu».
26. Dan mereka pula melarang orang ramai daripada mendengar al-Quran dan menjauhkan diri daripadanya, sedangkan mereka hanyalah membinasakan diri sendiri, namun mereka tidak menyedarinya.

ثُمَّ لَمْ يَكُنْ فِتْنَتُهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا وَاللَّهِ رَبِّنَا  
مَا كُنَّا مُشْرِكِينَ ﴿١٣﴾

أَنْظُرْ كَيْفَ كَذَبُوا عَلَيَّ أَنْفُسَهُمْ وَصَلَّ عَنْهُمْ  
مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿١٤﴾

وَمِنْهُمْ مَن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ وَجَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ  
الْكَفَّةَ أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا وَإِنْ يَرَوْا  
كُلَّ آيَةٍ إِلَّا يُؤْمِنُ بِهَا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكَ  
يُجَادِلُونَكَ بِقَوْلِ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ هَذَا  
إِلَّا أَسْطُورٌ الْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾

وَهُمْ يَنْهَوْنَ عَنْهُ وَيَنْهَوْنَ عَنْهُ وَإِنْ يُهْلِكُونَ  
إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٦﴾

27. Dan jika engkau melihat ketika mereka dihadapkan ke neraka lalu mereka berkata: «Sekiranya kami dikembalikan ke dunia, pasti kami tidak akan mendustakan lagi ayat-ayat Tuhan kami serta kami akan menjadi orang yang beriman».
28. Tetapi telah nyata apa yang mereka selalu sembunyikan dahulu<sup>(1)</sup>. Sekiranya mereka dikembalikan ke dunia sekali pun, pasti mereka akan mengulangi lagi apa yang telah dilarang melakukannya. Sesungguhnya mereka adalah benar-benar pendusta.
29. Dan tentulah mereka akan berkata pula: «Tidak ada kehidupan yang lain selain daripada kehidupan kita di dunia ini dan kita tidak akan dibangkitkan semula setelah kita mati<sup>(2)</sup>».
30. Dan jika engkau melihat ketika mereka dihadapkan kepada Tuhan mereka, lalu Allah berfirman: «Bukankah hari kiamat ini benar? Mereka menjawab: «Benar, demi Tuhan kami!» Allah berfirman lagi: «Maka rasakanlah azab neraka kerana kamu telah mengkufurinya».

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وَقَفُوا عَلَى النَّارِ فَقَالُوا يَا لَيْتَنَا نُرَدُّ  
وَلَا نُكَذِّبُ بَيِّنَاتِ رَبِّنَا وَنَكُونَ مِنَ  
الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٧﴾

بَلْ بَدَأَ لَهُمْ مَا كَانُوا يُخْفُونَ مِنْ قَبْلُ وَلَوْ رُدُّوا  
لَعَادُوا لِمَا نُهُوا عَنْهُ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٢٨﴾

وَقَالُوا إِن هِيَ إِلَّا أَحْيَاتُنَا الْأَدْنَىٰ وَمَا نَحْنُ  
بِمَبْعُوثِينَ ﴿٢٩﴾

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ وَقَفُوا عَلَىٰ رَبِّهِمْ قَالَ أَلَيْسَ هَذَا  
بِالْحَقِّ قَالُوا بَلَىٰ وَرَبِّنَا قَالَ فَذُوقُوا الْعَذَابَ  
بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٠﴾

1 Mereka sebenarnya tidak bercita-cita ingin dikembalikan ke dunia untuk beriman kepada Allah tetapi perkataan itu semata-mata diucapkan kerana melihat kedahsyatan neraka.

2 Jika mereka dikembalikan ke dunia, mereka akan mengatakan demikian.

31. Sesungguhnya telah rugi orang yang mendustakan pertemuan mereka dengan Allah, sehingga apabila hari kiamat datang secara mengejut kepada mereka seraya mereka berkata: «Alangkah kesalnya kami di atas apa yang telah kami lalaikan ketika di dunia!» Sambil memikul dosa mereka di atas belakang masing-masing. Ingatlah! Alangkah buruknya apa yang mereka pikul itu.
32. Dan tidak ada kehidupan di dunia kecuali permainan serta gurauan<sup>(1)</sup> yang melalaikan. Sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertaqwa. Maka, tidakkah kamu berfikir?
33. Sesungguhnya Kami mengetahui bahawa apa yang mereka katakan itu menyedihkan hatimu (maka janganlah engkau bersedih) kerana mereka sebenarnya bukan mendustakanmu tetapi orang yang zalim itu mengingkari ayat-ayat Allah.
34. Dan sesungguhnya para rasul sebelummu pun telah didustakan, namun mereka bersabar terhadap perbuatan orang yang mendustakan dan menyakiti mereka, sehingga datang pertolongan Kami kepada mereka. Sememangnya tidak

فَدَخَسِرَ الَّذِينَ كَذَبُوا بِلِقَاءِ اللَّهِ حَتَّى إِذَا  
جَاءَهُمُ السَّاعَةُ بَغْتَةً قَالُوا يَحْسِرُ تَنَا عَلَى مَا  
فَرَّطْنَا فِيهَا وَهُمْ يَحْمِلُونَ أَوْ زَارَهُمْ عَلَى  
طُهورِهِمُ الْأَسَاءَ مَا يَزِرُونَ ﴿٣١﴾

وَمَا الْحَيَوةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَلَلدَّارُ  
الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

فَدَعَلِمُ إِنَّهُ وَيَلْحِزُّكَ الَّذِي يَقُولُونَ فَإِنَّهُمْ  
لَا يَكْذِبُونَكَ وَلَكِنَّ الظَّالِمِينَ بَيَّأَتِ اللَّهُ  
يَجْحَدُونَ ﴿٣٣﴾

وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِنْ قَبْلِكَ فَصَبَرُوا عَلَى  
مَا كُذِّبُوا وَأُوذُوا وَوَاحٍ أَلَّهُمْ نَصْرًا وَلَا  
مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِ اللَّهِ وَلَقَدْ جَاءَكَ مِنْ نَبِيٍّ  
الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٤﴾

1 Kesenangan duniawi itu hanya sebentar dan tidak kekal. Janganlah kamu terpedaya dengan kesenangan duniawi serta lalai dari memperhatikan akhirat.



ada sesiapa pun yang boleh mengubah kalimah-kalimah Allah. Sesungguhnya telah datang kepadamu sebahagian daripada berita para rasul itu.

35. Dan jika tentangan mereka terasa sangat berat kepadamu, maka sekiranya engkau sanggup mencari satu lubang di bumi atau tangga untuk naik ke langit lalu engkau dapat mendatangkan mukjizat kepada mereka, (maka lakukanlah).<sup>(1)</sup> Sekiranya Allah menghendaki pasti Dia menghimpunkan mereka kepada hidayah. Maka janganlah kamu termasuk dalam golongan orang yang jahil.
36. Hanya orang yang mendengar sahaja yang menyahut seruanmu sedangkan orang yang mati, Allah akan membangkitkan mereka semula, kemudian mereka akan dikembalikan kepadaNya untuk menerima balasan.
37. Dan mereka berkata: «Mengapa tidak diturunkan kepada Muhammad satu mukjizat daripada Tuhannya?» Katakanlah: «Sesungguhnya Allah berkuasa untuk menurunkan mukjizat» tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.

وَأِنْ كَانَ كَبُرَ عَلَيْكَ إِعْرَاضُهُمْ فَإِنْ امْتَّطَعَتْ  
أَنْ تَبْتَغِيَ نَفَقًا فِي الْأَرْضِ أَوْ سَمًّا فِي السَّمَاءِ  
فَتَأْتِيهِمْ بَيِّنَةٌ أَوْ وُشَاءٌ أَلَّهَ لَجَمْعَهُمْ عَلَى  
الْهُدَىٰ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٣٥﴾

﴿ إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَىٰ  
يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ لِيُرِيَهُمْ يَوْمَهُمُ الَّذِي يُرْجَعُونَ ﴾ ﴿٣٦﴾

وَقَالُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ قُلْ إِنْ  
أَلَّهَ قَادِرٌ عَلَىٰ أَنْ يُنَزِّلَ آيَةً وَلاَ يَكُنَّ  
أَكْثَرُهُمْ لَاطِعِينَ ﴿٣٧﴾

1 Janganlah kamu merasa keberatan atas sikap mereka yang berpaling dari Kami. Kalau kamu merasa keberatan, cubalah usahakan satu mukjizat yang dapat memuaskan hati mereka dan kamu tentu tidak akan mampu.

38. Dan tidak ada seekor pun binatang yang melata<sup>(1)</sup> di bumi serta tidak ada seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya kecuali mereka umat seperti kamu. Kami tidak meninggalkan sesuatu pun di dalam al-Quran ini. Kemudian mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka.
39. Dan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami mereka adalah tuli dan bisu serta berada di dalam kegelapan. Sesiapa yang Allah kehendaki (kesesatannya) akan disesatkannya dan sesiapa yang dikehendaki Allah (mendapat hidayah) akan dijadikannya berada di atas jalan yang lurus.
40. Katakanlah: «Tidakkah engkau melihat, jika datang kepada kamu azab Allah atau datang kepada kamu hari kiamat, adakah kamu akan menyeru selain daripada Allah, jika kamu memang orang yang benar?»
41. Bahkan kepadaNya kamu menyeru lalu Dia menghilangkan bahaya yang kamu pohonkan kepadaNya jika Dia kehendaki. Dan kamu melupakan apa yang kamu sekutukan (dengan Allah dalam masa kamu ditimpa bahaya itu).

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ  
إِلَّا أُمَّةٌ أَمْثَلُكُمْ مَا فَطَرْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ  
ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا صُمُّوا وَبُكِمُوا فِي  
الْأُذُنِ مَنْ يَشَاءُ اللَّهُ يُضِلَّهُ وَمَنْ يُشَاءُ  
يَجْعَلْهُ عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٣٩﴾

قُلْ آتَىٰ بَنِيكُمْ أَنْتُمْ عَذَابَ اللَّهِ أَوْ أَتَتْكُمْ  
السَّاعَةُ أَعْبُدُوا اللَّهَ تَدْعُونَ إِنْ كُنْتُمْ  
صَادِقِينَ ﴿٤٠﴾

بَلْ إِلَٰهَ تَدْعُونَ فِيكُمْ شِفَاءً مَا تَدْعُونَ إِلَيْهِ  
إِنْ شَاءَ وَتَسْوُونَ مَا أَنْتُمْ كَاذِبُونَ ﴿٤١﴾

1 Makhhluk yang bernyawa.

42. Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan seorang rasul kepada umat-umat sebelummu, maka Kami seksakan mereka dengan kesusahan dan penderitaan agar mereka berdoa (kepada Kami) dengan merendahkan diri.
43. Maka mengapa mereka tidak berdoa kepada Kami dengan merendahkan diri ketika mereka ditimpa azab? Tetapi yang sebenarnya hati mereka keras dan syaitan pula memperelokkan (pada pandangan) mereka apa yang mereka telah lakukan.
44. Maka apabila mereka melupakan apa yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersukaria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (bencana), maka mereka pun berputus asa.
45. Lalu kaum yang zalim itu dimusnahkan sehingga terputus keturunannya. Dan segala puji bagi Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan semesta alam.
46. Katakanlah: «Apakah pandanganmu, jika Allah

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَآخَذْنَا مِنْهُم  
بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَالَهُمْ بَيَّضَرَّ عَوْنُ ﴿٤٢﴾

فَلَوْلَا إِذْ جَاءَهُمْ بَأْسُنَا تَضَرَّعُوا وَلَٰكِن قَسَتْ  
قُلُوبُهُمْ وَزَيَّنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ مَا كَانُوا  
يَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ  
أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَقًّا إِذَا فَرِحُوا يِمَّا أُوتُوا  
أَخَذْنَا لَهُمْ بَغْتَةً قَٰدِمًا هُمْ مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾

فَقَطَّعَ دَابِرَ الْقَوْمِ الَّذِينَ ظَلَمُوا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٥﴾

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَخَذَ اللَّهُ سَمْعَكُمْ وَأَبْصَارَكُمْ

melenyapkan pendengaran dan penglihatan kamu serta Dia pula menutup hati kamu? Siapakah Tuhan selain Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu?» Perhatikanlah bagaimana Kami berulang kali menerangkan tanda-tanda kekuasaan Kami. Namun begitu mereka tetap juga berpaling.

47. Katakanlah: «Apakah pandanganmu, jika azab Allah datang kepada kamu secara tiba-tiba atau secara terang-terangan, maka masih adakah yang dibinasakan (Allah) selain daripada kaum yang zalim?»
48. Dan Kami tidak mengutuskan para rasul itu melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan. Kemudian sesiapa yang beriman dan melakukan kebaikan, maka tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka tidak pula bersedih.
49. Dan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, mereka akan dikenakan azab kerana melakukan kefasiqan.
50. Katakanlah: «Aku tidak mengatakan kepada kamu perbendaharaan (ilmu) Allah ada padaku dan aku pula tidak mengetahui perkara yang ghaib. Aku juga tidak mengatakan

وَحَتَمَ عَلَى قُلُوبِكُمْ مِنَ إِلَهٍ غَيْرِ اللَّهِ يَأْتِيكُمْ بِهِ أَنْظُرْ كَيْفَ نَصَرَفُ الْآيَاتِ ثُمَّ هُمْ يَصْدِفُونَ ﴿٤٦﴾

قُلْ أَرَأَيْتُمْ كَيْفُورُ أَنْتُمْ كَذَابُ اللَّهِ بَعْتَهُ أَوْ جَهَنَّمَ هَلِ لَكُمْ مِنْهُ لُجُومٌ إِلَّا الْقَوْمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٧﴾

وَمَا تُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ﴿٤٨﴾ فَمَنْ آمَنَ وَأَصْلَحَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٤٩﴾

وَالَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا سُمُّهُمُ الْعَذَابُ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿٥٠﴾

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبِ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ إِن تَتَّبِعُوا إِلَّا مَا يُوْحَىٰ إِلَى قُلُوبِ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak mengikut kecuali apa yang diwahyukan kepadaku». Katakanlah: «Adakah sama orang yang buta dengan orang yang melihat? Tidakkah kamu berfikir?»

51. Dan berilah peringatan dengan al-Quran itu kepada orang yang merasa takut bahawa mereka akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka dan tidak ada bagi mereka pelindung dan pemberi syafaat selain daripada Allah, semoga mereka bertaqwa.

52. Dan janganlah engkau mengusir orang yang menyeru Tuhan mereka di waktu pagi dan petang, sedangkan mereka menghendaki keredaanNya semata-mata. Engkau tidak bertanggungjawab mengenai hitungan amal mereka dan mereka juga tidak bertanggungjawab sesuatu pun mengenai hitungan amalmu. Maka (sekiranya) engkau mengusir mereka, maka engkau termasuk golongan orang yang zalim.

53. Demikianlah Kami menguji sebahagian daripada mereka (yang kaya) dengan sebahagian yang lain (yang miskin), supaya orang yang kaya itu berkata (kepada orang miskin yang beriman): «Inikah orangnya yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka di

وَأَنْذِرْ بِهِ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْ يُحْشَرُوا إِلَىٰ رَبِّهِمْ لَيْسَ لَهُمْ مِنْ دُونِهِ وَاوِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ لَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٥١﴾

وَلَا تَنْظُرْ بِالَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدْوَةِ وَالْعَشيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ، مَا عَلَيْكَ مِنْ حِسَابِهِمْ مِنْ شَيْءٍ وَمَا مِنْ حِسَابِكَ عَلَيْهِمْ مِنْ شَيْءٍ فَتَطْرُدَهُمْ فَتَكُونَ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٥٢﴾

وَكَذَٰلِكَ فَتَنَّا بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لِيَقُولُوا أَهَٰؤُلَاءِ مَنَّ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنْ بَيْنِنَا أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَعْلَمَ بِالشَّاكِرِينَ ﴿٥٣﴾

antara kami?» (Allah berfirman):  
«Bukankah Allah lebih mengetahui akan orang yang bersyukur?»

54. Dan apabila orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang kepadamu (dengan tujuan hendak bertaubat daripada dosa mereka), maka katakanlah: «Selamat sejahtera untuk kamu! Tuhan kamu menetapkan bagi diriNya untuk memberi rahmat. Sesiapa di antara kamu yang melakukan kejahatan kerana kejahilannya, kemudian selepas itu dia bertaubat dan berusaha memperbaiki (amalannya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani».
55. Dan demikianlah Kami menerangkan ayat-ayat al-Quran serta menjelaskan jalan orang yang berdosa.
56. Katakanlah: «Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah selain daripada Allah». Katakanlah lagi: «Aku tidak akan mengikut nafsu kamu kerana kalau aku mengikutimu, sesungguhnya sesatlah aku dan aku tidak termasuk golongan orang yang mendapat hidayah».
57. Katakanlah: «Sesungguhnya aku tetap berada di atas (kebenaran)

وَإِذَا جَاءَكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِنَا فَقُلْ سَلِّمْ عَلَيْكُمْ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ أَنَّهُ مَن عَمَلٍ مِّنكُمْ سُوْءًا بِجَهْلَةٍ تَابَ مِن بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٤﴾

وَكَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ لَّيْسَتِيْنِ سَبِيْلَ الْمُجْرِمِيْنَ ﴿٥٥﴾

قُلْ إِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ قُلْ لَا آتِيْعَ أَهْوَاءَكُمْ قَدْ ضَلَّكُمُ إِذًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِيْنَ ﴿٥٦﴾

قُلْ إِنِّي عَلَى بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّي وَكَذَّبْتُمْ بِهِ

bukti yang nyata (al-Quran) daripada Tuhanku, sedangkan kamu mendustakannya. Aku tidak mempunyai kuasa atas apa yang kamu minta disegerakan (kedatangan azab itu). Hanya Allah jualah yang menetapkan hukuman. Dia menjelaskan kebenaran dan Dialah sebaik-baik yang membuat keputusan».

58. Katakanlah: «Kalau ada padaku (kuasa menurunkan) apa yang kamu minta disegerakan (kedatangannya) itu, nescaya selesailah perkara (berbangkit) antaraku dengan kamu<sup>(1)</sup>. (Ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang yang zalim».

59. Dan di sisi Allah jualah anak-anak kunci<sup>(2)</sup> segala yang ghaib. Tidak ada sesiapa yang mengetahuinya kecuali Dia sahaja. Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut, tidak gugur sehelai daun pun kecuali Dia mengetahuinya dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi serta tidak gugur yang basah dan yang kering, kecuali (semuanya ada tertulis) di dalam kitab (Lauh Mahfuz<sup>(3)</sup>) yang nyata.

مَا عِنْدِي مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِ إِنَّ الْخِصْمَ  
إِلَّا لِلَّهِ يُفْضُ الْحَقَّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ ﴿٥٧﴾

قُلْ لَوْ أَنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبَ لَا يَعْزُبُ عَنِّي  
أَلْأَمْرُ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالظَّالِمِينَ ﴿٥٨﴾

﴿٥٩﴾ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا  
إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا  
تَسْقُطُ مِنَ رِزْقِهِ إِلَّا يُعْلِمُهَا وَلَا حِجَابَ فِي  
ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رِطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا  
فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

1 Tentu Allah telah menurunkan azab kepadamu sampai kamu binasa.

2 Ilmu.

3 Kitab yang terpelihara daripada penambahan, pengurangan, penyelewengan dan perubahan. (Ibn Kathir 4: 212). Ia mengandungi suratan taqdir manusia.

60. Dan Dialah yang menidurkan kamu pada waktu malam serta mengetahui apa yang kamu lakukan pada siang hari, kemudian Dia membangunkan kamu (daripada tidur) untuk disempurnakan ajal (masa umur kamu) yang telah ditetapkan. Kemudian kepadaNya tempat kamu kembali. Selepas itu Dia menyatakan kepada kamu apa yang kamu lakukan.
61. Dan Dialah yang berkuasa ke atas semua hambaNya. Dia mengutuskan kepada kamu penjaga (malaikat), sehingga apabila sampai kematian kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan Kami, sedang mereka pula (malaikat itu), tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya).
62. Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah, Tuhan mereka yang sebenar. Ketahuilah, Allah jualah yang berkuasa menetapkan hukuman (pada hari kiamat itu) dan Dialah secepat-cepat Penghitung.
63. Katakanlah: «Siapakah yang menyelamatkan kamu daripada bencana di darat dan di laut? (Ketika) kamu berdoa merayu kepadaNya dengan merendah diri (secara terang-terangan) dan secara bersembunyi, (dengan berkata): «Sesungguhnya jika

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّاكُم بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰ أَجَلٌ مُّسَمًّى ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٠﴾

وَهُوَ الْكَافِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَإِنَّا بِمَا عَمِلْتُمْ فَخَّاطِبِينَ ﴿٦١﴾

ثُمَّ رُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ مَوْلَاهُمُ الْحَقُّ أَلَا لَهُ الْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ ﴿٦٢﴾

قُلْ مَنْ يَنْجِيكُمْ مِنَ ظُلُمَاتِ اللَّيْلِ وَالْبَحْرِ نَدْعُوهُ نَضَرَعَا وَخَفِيَةً لِّئِنْ أَجَّجْنَا مِنْ هَذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٦٣﴾



Allah selamatkan kami daripada bencana ini pasti kami menjadi orang yang bersyukur».

64. Katakanlah: «Allah jualah yang menyelamatkan kamu daripada bencana itu dan daripada semua jenis kesukaran. Dalam pada itu, kamu (masih) mempersekutukan (Allah dengan sesuatu yang lain)».
65. Katakanlah: «Dialah yang berkuasa menghantarkan kepada kamu azab dari sebelah atas kamu atau dari bawah kaki<sup>(1)</sup> kamu atau Dia menjadikan kamu berselisih pendapat dan berpecah-belah. Dia merasakan kepada sebahagian daripada kamu akan keganasan dan kekejaman sebahagian yang lain». Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat dengan pelbagai cara, semoga mereka memahami.
66. Dan kaum engkau (wahai Muhammad) mendustakannya (al-Quran), sedangkan ia adalah benar. Katakanlah: «Aku bukanlah orang yang ditugaskan menjaga urusan kamu».
67. Setiap berita ada masa yang menentukannya dan kamu akan mengetahuinya.

قُلِ اللَّهُ يَبْتَلِيكُمْ مِنْهَا وَمِنْ كُلِّ دِينٍ شَأْنًا أَنْتُمْ  
تَشْرِكُونَ ﴿٦٤﴾

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَى أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّن  
فَوْقِكُمْ أَوْ مِّن تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يَلْبَسَكُمْ بِشْعًا  
وَيُذِيقَ بَعْضَكُم بَأْسَ بَعْضٍ أَنْظِرْ كَيْفَ نَصْرِي  
الْآيَاتِ لَعَلَّهُمْ يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

وَكَذَّبَ بِهِ قَوْمُكَ وَهُوَ الْحَقُّ قُلْ لَسْتُ عَلَيْكُمْ  
بِوَكِيلٍ ﴿٦٦﴾

لِكُلِّ نَبَأٍ مَّسْقَرٌ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

1 Azab yang datang dari atas seperti hujan batu, sambaran petir dan lain-lain. Yang datang dari bawah seperti gempa bumi, banjir dan sebagainya.

68. Dan apabila engkau melihat orang yang mempersendakan ayat-ayat Kami, maka tinggalkanlah mereka sehingga mereka berbicara tentang perkara yang lain. Jika engkau dilupakan oleh syaitan (tentang larangan itu), maka janganlah engkau duduk lagi bersama kaum yang zalim itu, selepas engkau mengingati (larangan itu).
69. Dan tidak ada tanggungjawab sedikit pun ke atas orang yang bertaqwa terhadap dosa mereka tetapi (kewajipan mereka) ialah mengingatkan semoga mereka bertaqwa.
70. Dan tinggalkanlah orang yang menjadikan agama<sup>(1)</sup> mereka sebagai permainan dan gurauan<sup>(2)</sup> serta mereka telah ditipu oleh kehidupan dunia. Ingatkanlah (mereka) dengan al-Quran itu agar diri masing-masing tidak terjerumus (ke dalam neraka) disebabkan apa yang dia telah usahakan. Tidak ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat selain daripada Allah. Jika dia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (pasti) tidak akan diterima

وَإِذَا رَأَيْتَ الَّذِينَ يَخُوضُونَ فِيءِ آيَاتِنَا فَأَعْرِضْ  
عَنَّهُمْ حَتَّىٰ يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ ۚ وَإِمَّا  
يُنذِرُكَ الشَّيْطَانُ فَلَا تَقْعُدْ بَعْدَ  
الذِّكْرِ مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٦٨﴾

وَمَا عَلَى الَّذِينَ يَتَّقُونَ مِن حِسَابِهِمْ مِن  
شَيْءٍ ۚ وَلَكِن ذَكَرُوا لَهُمْ مِثْقَلُونَ ﴿٦٩﴾

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا  
وَغَرَّتَّهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ رَبَّهُ  
أَن يُسْأَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ  
لَهَا مِن دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ ۚ وَإِن تَعَدَّلْ  
كُلُّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذَ مِنْهَا أُولَئِكَ  
الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ  
شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا  
كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

1 Iaitu agama Islam yang mereka disuruh untuk mematuhi dengan sungguh-sungguh.

2 Bermaksud menjadikan agama sebagai main-main dan senda-gurau ialah memperolok-olokkan agama itu, mengerjakan perintah-perintahNya dan menjauhi larangan-laranganNya atas dasar main-main dan tidak bersungguh-sungguh.

daripadanya. Mereka itulah orang yang dibinasakan oleh Allah disebabkan apa yang telah mereka usahakan. Bagi mereka disediakan minuman daripada air panas yang menggelegak dan azab yang pedih kerana mereka kufur (ketika hidupnya).

71. Katakanlah: «Apakah kita akan menyeru selain daripada Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kita serta (apakah) kita akan dikembalikan ke belakang<sup>(1)</sup> setelah kita diberi hidayah oleh Allah seperti orang yang telah disesatkan oleh syaitan di bumi dalam keadaan bingung, dia mempunyai sahabat yang mengajaknya ke jalan yang lurus (dengan berkata kepadanya): «Ikutlah kami». Katakanlah: «Sesungguhnya hidayah Allah itulah sebenar-benar hidayah dan kita diperintahkan agar berserah diri kepada Tuhan semesta alam».
72. Dan agar kamu mendirikan solat serta bertaqwa kepadaNya dan Dialah Tuhan yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan.
73. Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan kebenaran serta benarlah perkataanNya di waktu Dia

قُلْ أَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُنَا وَلَا  
يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا  
اللَّهُ كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي  
الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ  
إِلَى الْهُدَىٰ أَسْتَيْتَ أَفَلَا يَهْدِي اللَّهُ هُوَ  
الْمُهْدِيُّ وَأَمْرُنَا لِلْإِسْلَامِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٧١﴾

وَأَنَّ أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْهُ وَهُوَ الَّذِي إِلَيْهِ  
تُحْشَرُونَ ﴿٧٢﴾

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ  
وَيَوْمَ يَقُولُ كُن فَيَكُونُ قَوْلُهُ الْحَقُّ وَلَهُ

1 Syirik.

mengatakan: «Jadilah!» Lalu ia terjadi dan bagiNya segala kekuasaan pada waktu sangkakala ditiup. Dia mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata. Dialah jua Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mendalam pengetahuannya.

74. Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar: «Patutkah kamu menjadikan berhala sebagai tuhan? Sesungguhnya aku melihatmu dan kaummu berada di dalam kesesatan yang nyata».
75. Dan demikianlah Kami memperlihatkan kepada Ibrahim tanda-tanda kekuasaan (Kami yang terdapat) di langit dan di bumi, (Kami memperlihatkannya) agar dia termasuk golongan orang yang yakin.
76. Ketika malam yang gelap, dia melihat sebutir bintang, lalu dia berkata: «Inilah Tuhanku.» Kemudian apabila bintang itu terbenam, dia berkata pula: «Aku tidak suka kepada yang terbenam».
77. Kemudian ketika dia melihat bulan terbit, dia berkata: «Inilah Tuhanku.» Tetapi setelah bulan itu terbenam, dia berkata: «Sesungguhnya, jika aku tidak diberikan hidayah oleh Tuhanku, pasti aku termasuk golongan orang yang sesat».

الْمَلَأْتُ يَوْمَ يَنْفَعُ فِي الصُّورِ عَلِيمُ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ ﴿٧٢﴾

﴿٧٤﴾ وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ إِذْ أَرَاتَهُ خَدًّا صَامًا  
إِنَّ إِلَهًا إِيَّيَّكَ وَوَقَوْمَكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٧٥﴾

وَكَذَلِكَ نُرِي إِبْرَاهِيمَ مَلَكُوتَ السَّمَوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَلِيَكُونَ مِنَ الْمُوقِنِينَ ﴿٧٥﴾

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَى الْكَوْكَبَ قَالَ هَذَا  
رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ الْآفِلِينَ ﴿٧٦﴾

فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِعًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ  
قَالَ لَنْ لَمْ يَهْدِنِي رَبِّي لَأَكُونَنَّ مِنَ  
الْقَوْمِ الضَّالِّينَ ﴿٧٧﴾

78. Kemudian ketika dia melihat matahari terbit, dia berkata: «Inilah Tuhanku, ini lebih besar». Maka apabila matahari terbenam, dia berkata: `Wahai kaumku! Sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu persekutukan».

فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسُ بَازِغَةً قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿٧٨﴾

79. «Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, cenderung kepada agama yang benar dan aku bukanlah termasuk orang yang mempersekutukan Allah».

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾

80. Dan ketika dia dibantah oleh kaumnya seraya berkata: «Apakah kamu membantahku mengenai Allah, sedangkan Dia telah memberi hidayah kepadaku? Aku pula tidak takut kepada sembahhan yang kamu persekutukan dengan Allah, kecuali ketika Tuhanku menghendaki sesuatu (daripada bahaya itu). Pengetahuan Tuhanku meliputi setiap sesuatu. Maka tidakkah kamu mahu mengambil pengajaran?»

وَحَاجَّهُ قَوْمُهُ قَالَ أَتُحِبُّونِي فِي اللَّهِ وَقَدْ هَدَانِ وَلَا أَخَافُ مَا تُشْرِكُونَ بِهِ إِلَّا أَن يَشَاءَ رَبِّي شَيْئًا وَسِعَ رَبِّي كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٨٠﴾

81. «Bagaimanakah aku takut kepada sembahhan-sembahhan yang kamu persekutukan (dengan Allah itu), sedangkan kamu tidak takut mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang Allah sendiri tidak menurunkan sebarang keterangan kepada kamu mengenainya. Maka

وَكَيْفَ أَخَافُ مَا أَشْرَكْتُمْ وَلَا تَخَافُونَ أَنَّكُمْ أَشْرَكْتُم بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنزل بِهِ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا فَأَيُّ الْفَرِيقَيْنِ أَحَقُّ بِالْأَمْنِ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨١﴾

manakah di antara dua golongan itu yang lebih berhak mendapat keamanan (daripada bencana), jika kamu mengetahui?»

82. Orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang yang mendapat keamanan dan mereka itulah orang yang mendapat hidayah.
83. Dan itulah hujah Kami yang diberikan kepada Ibrahim untuk menghadapi kaumnya. Kami tinggikan beberapa darjat sesiapa yang Kami kehendaki. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.
84. Dan Kami telah menganugerahkan Ishak dan Yaakub kepadanya (Ibrahim). Kami telah berikan hidayah kepada setiap seorang. Sebelum itu (juga) Kami telah memberi hidayah kepada Nuh dan kepada sebahagian daripada keturunannya (Ibrahim) iaitu Daud, Sulaiman, Ayub, Yusuf, Musa dan Harun. Demikianlah Kami memberi balasan kepada orang yang melakukan kebaikan.
85. Dan Zakaria, Yahya, Isa dan Ilyas semuanya termasuk golongan orang yang soleh.
86. Dan Ismail, Ilyasa', Yunus dan Lut. Masing-masing Kami anugerahkan kelebihan mengatasi umat-umat di zaman itu.

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ  
أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾

وَتِلْكَ حُجَّتُنَا آتَيْنَاهَا إِبْرَاهِيمَ عَلَى قَوْمِهِ  
نَرْفَعُ دَرَجَاتٍ مَن نَّشَاءُ إِنَّ رَبَّكَ  
حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٨٣﴾

وَوَهَبْنَا لَهُ إِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ كُلًّا هَدَيْنَا  
وَنُوحًا هَدَيْنَا مِن قَبْلُ وَمِن ذُرِّيَّتِهِ دَاوُدَ  
وَسُلَيْمَانَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَى  
وَهَارُونَ وَكَذَلِكَ نَجْزِي  
الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٤﴾

وَرَكْرَبَآ وَيَحْيَىٰ وَعِيسَىٰ وَإِلْيَاسَ كُلٌّ  
مِّن الصَّالِحِينَ ﴿٨٥﴾

وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيُوسُفَ وَلُوطًا وَكُلًّا  
فَضَلْنَا عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٨٦﴾

87. Dan (Kami lebihkan pula darjat) sebahagian daripada nenek moyang, keturunan dan saudara mara mereka. Kami juga telah memilih serta menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.
88. Itulah hidayah Allah. Dia memimpin sesiapa yang dihendakiNya daripada hambaNya. Seandainya mereka mempersekutukan Allah, pasti lenyaplah daripada mereka amalan yang telah mereka lakukan.
89. Mereka itulah orang yang telah Kami berikan kepada mereka al-Kitab, al-Hikmah (pemahaman agama) dan kenabian. Jika orang (kafir) itu mengingkarinya, maka sesungguhnya Kami akan menyerahkannya kepada kaum yang tidak sama sekali akan mengingkarinya.
90. Mereka itulah orang yang telah diberi hidayah oleh Allah, maka ikutlah hidayah mereka. Katakanlah: «Aku tidak memintakan ganjaran daripada kamu dalam menyampaikan (al-Quran). Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi (umat) semesta alam.
91. Dan mereka tidak mengagungkan Allah dengan pengagungan yang sepatutnya ketika mereka berkata: «Allah tidak menurunkan sesuatu pun kepada manusia».

وَمِنَ آبَائِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَأَحْوَانِهِمْ وَأَجْنَاسِهِمْ  
وَهَدَيْنَاهُمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٨٧﴾

ذَٰلِكَ هُدَىٰ اللَّهِ يَهْدِي بِهِ مَن يَشَاءُ مَن عَبَادَهُ  
وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحِطَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٨٨﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ  
وَالْحِكْمَ وَالنُّبُوَّةَ فَإِن يَكْفُرْ بِهَا هُنَّ لِآءٌ  
فَقَدَّوْكَانَ بِهَا قَوْمًا لَّيْسُوا بِهَا بِكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ فَبِهِدَاهُمُ اقْتَدِ  
قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِن هُوَ إِلَّا  
ذِكْرِي لِلْعَالَمِينَ ﴿٩٠﴾

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنزَلَ اللَّهُ  
عَلَىٰ بَشَرٍ مِّن شَيْءٍ قُلْ مَن أَنزَلَ الْكِتَابَ

Katakanlah: «Siapakah yang menurunkan kitab (Taurat) yang dibawa oleh Musa sebagai cahaya dan hidayah bagi manusia yang kamu jadikanannya lembaran kertas, yang kamu perlihatkan (sebahagiannya) dan kamu sembunyikan sebahagian besar daripadanya, sedangkan telah diajarkan kepada kamu apa yang tidak diketahui oleh kamu dan nenek moyang kamu?»  
Katakanlah: «Allah (yang menurunkannya)», kemudian biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatan<sup>(1)</sup> mereka.

92. Dan al-Quran ini adalah Kitab yang Kami turunkan lagi diberkati. Ia membenarkan kitab-kitab (yang diturunkan) sebelumnya<sup>(2)</sup> agar engkau memberi peringatan kepada penduduk «Ummul-Qura»<sup>(3)</sup> dan orang yang tinggal di sekitarnya. Orang yang beriman dengan hari akhirat, pasti beriman kepada al-Quran dan mereka tetap memelihara solat mereka.

93. Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang melakukan pendustaan terhadap Allah atau orang yang berkata: «Telah diwahyukan kepadaku»,

الَّذِي جَاءَ بِهِ مَوْسَى نُورًا وَهَدَىٰ لِلنَّاسِ  
جَمْعًا وَهُوَ قَرِيطِسٌ تَدْوِنُهَا وَتُحْفُونَ كَثِيرًا  
وَعَلَّمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ قُلْ  
اللَّهُ يُزَيِّرُهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُّصَدِّقُ الَّذِي  
بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَىٰ وَمَنْ حَوْلَهَا  
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَهُمْ عَلَىٰ  
صَلَاتِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ  
أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحَ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ

1 Sebagai sindiran kepada mereka seakan-akan mereka dipandang sebagai kanak-kanak yang belum berakal.

2 Iaitu kitab-kitab dan sahifah-sahifah yang diturunkan sebelum al-Quran.

3 Makkah al Mukarramah.



sedangkan tidak diwahyukan sesuatu pun kepadanya dan orang yang berkata: «Aku akan menurunkan seperti apa yang diturunkan oleh Allah». Alangkah dahsyatnya sekiranya engkau melihat waktu orang yang zalim berada dalam penderitaan «sakratul-maut<sup>(1)</sup>», ketika para malaikat memukul dengan tangannya sambil berkata: «Keluarkanlah nyawa kamu. Pada hari ini kamu dibalas dengan azab yang sangat hina, disebabkan apa yang telah kamu katakan terhadap Allah yang tidak benar dan kamu pula selalu sombong terhadap ayat-ayatNya».

94. Dan sesungguhnya, kamu datang kepada Kami bersendirian, sebagaimana Kami menciptakan kamu pada mulanya dan kamu tinggalkan di belakang kamu apa yang telah Kami kurniakan serta Kami tidak melihat bersama kamu pemberi syafaat yang kamu dakwa bahawa mereka itu sekutu-sekutu Allah di kalangan kamu. Sesungguhnya telah terputuslah pertalian antara kamu dan lenyaplah daripada kamu apa yang dahulu kamu dakwakan (sebagai sekutu Allah).

95. Sesungguhnya Allah menumbuhkan biji tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. Dia mengeluarkan yang

سَأُنزِلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلْتُ اللَّهُ وَلَوْ رَأَيْتَ إِذِ الظَّالِمُونَ  
فِي غَمْرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسِطُو أَيْدِيهِمْ  
أَخْرِجُوا أَنْفُسَكُمْ الْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ الْهُونِ  
بِمَا كُنْتُمْ تَفْعَلُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ  
عَنْ آيَاتِنَا تَسْتَكْبِرُونَ ﴿١١﴾

وَلَقَدْ جِئْتُمُونَا فَرَادَى كَمَا خَلَقْنَاكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ  
وَتَرَكْتُمْ مَا خَوَّلْنَاكُمْ وَرَاءَ ظُهُورِكُمْ وَمَا  
نَرَى مَعَكُمْ شُفَعَاءَ الَّذِينَ زَعَمْتُمْ أَنَّهُمْ  
فِيكُمْ شُرَكَاءُ لَقَدْ تَقَطَّعَ بَيْنَكُمْ وَضَلَّ  
عَنْكُمْ مَا كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿١١﴾

\* إِنَّ اللَّهَ قَالِقُ الْحَبِّ وَالتَّوَلَّى يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ  
الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ذَلِكَمِ اللَّهُ  
فَاتَى نُورُ كُوتِ ﴿١١﴾

1 Di ambang kematian.

hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. Yang demikian itu (kekuasaannya ialah) Allah. Maka bagaimanakah kamu dipalingkan daripada menyembahNya (oleh apa yang kamu jadikan sekutuNya)?

96. Dia menyinsingkan pagi dan yang menjadikan malam untuk beristirahat serta menjadikan matahari dan bulan untuk dijadikan perhitungan waktu. Itulah ketentuan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.
97. Dan Dialah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu agar kamu menjadikannya petunjuk ketika kegelapan di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah menjelaskan tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang yang mengetahui.
98. Dan Dialah yang menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam), maka (bagi kamu) ada tempat tetap (tulang sulbi ayah) dan tempat simpanan (rahim ibu). Sesungguhnya Kami telah jelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami kepada orang yang memahami.
99. Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu

فَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَعَلْنَا لَكُمُ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالنَّجْمَ  
وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٩٦﴾

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا  
بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ  
لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ  
فَمُسْتَقَرًّا وَمُسْتَوْدَعًا قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ  
يَفْقَهُونَ ﴿٩٨﴾

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا

semua jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan daripada tanaman yang menghijau itu bijian yang banyak, daripada mayang kurma, mengurai tangkai-tangkai yang menjuntai dan kebun anggur, zaitun serta buah delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila ia berbuah dan ketika ia masak. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang beriman.

**100.** Dan mereka menjadikan jin itu sekutu bagi Allah, sedangkan Allahlah yang menciptakan jin itu dan mereka berdusta terhadap Allah dengan mengatakan bahawasanya Allah mempunyai anak lelaki dan anak perempuan<sup>(1)</sup> tanpa berdasarkan ilmu. Maha Suci Allah dan Maha Tinggi daripada apa yang mereka sifatkan.

**101.** Dia (Allah) Pencipta langit dan bumi. Bagaimana Dia mempunyai anak sedangkan Dia tidak mempunyai isteri. Dia yang menciptakan setiap sesuatu dan Dialah yang Maha Mengetahui segala-galanya.

يَهُ نَبَاتٍ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا  
نُخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِن  
طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ  
وَالزَّيْتُونِ وَالرَّيْحَانِ مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ  
انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي  
ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِبِينَ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَقُوا  
لَهُ وَبَنِينَ وَبَنَاتٍ يَغْرِصُهُنَّ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا  
يَصِفُونَ ﴿١٠١﴾

بَدِيعُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ أَنَّى يَكُونُ لَهُ وَلَدٌ  
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَصِيَّةٌ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ  
بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١٠٢﴾

1 Mereka mengatakan bahawa Allah mempunyai anak seperti orang Yahudi mengatakan; Uzair putera Allah dan orang musyrikin mengatakan malaikat putera-putera Allah. Mereka mengatakan demikian kerana kebodohan mereka.

- 102.** (Yang memiliki sifat-sifat yang) demikian itu adalah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan selain Dia, Pencipta setiap sesuatu. Maka sembahlah Dia. Dia jualah pentadbir segala-galanya.
- 103.** Dia tidak dapat dijangkau oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat segala penglihatan itu dan Dialah yang Maha Lemah lembut lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.
- 104.** Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan-keterangan daripada Tuhan kamu. Oleh itu sesiapa melihat (kebenaran itu)<sup>(1)</sup> maka faedahnya bagi dirinya sendiri dan sesiapa buta (tidak melihat kebenaran itu) maka mudaratnya akan menimpa ke atas dirinya sendiri. Dan aku (Muhammad) sama sekali bukan penjaga kamu.
- 105.** Dan demikianlah Kami menerangkan ayat-ayat Kami agar mereka (yang ingkar itu menuduhmu dengan) berkata: «Engkau telah mempelajarinya (daripada orang lain)» dan supaya Kami menjelaskan (al-Quran) itu kepada orang yang mengetahui.
- 106.** Ikutilah apa yang telah diwahyukan kepadamu daripada Tuhanmu. Tiada Tuhan selain Dia

ذَٰلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَأَعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

قَدْ جَاءَكُمْ بَصَائِرٌ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ أَبْصَرَ فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ عَمِيَٰ فَعَلَيْهَا وَمَا أَنَا عَلَيْكُمْ بِحَفِيظٍ ﴿١٠٤﴾

وَكَذَٰلِكَ نَضْرِبُ الْآيَاتِ لِيُقُولُوا ۖ دَرَسْتَ وَلِنُبَيِّنَهُ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١٠٥﴾

اتَّبِعْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ رَبِّكَ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٦﴾

1 Sesiapa mengetahui kebenaran dan mengerjakan amalan soleh serta memperoleh petunjuk, maka dia telah mencapai puncak kebahagiaan.

dan berpalinglah daripada orang musyrik.

- 107.** Dan sekiranya Allah menghendaki, pasti mereka tidak mempersekutukanNya, Kami tidak menjadikan engkau penjaga mereka dan engkau bukan sama sekali wakil bagi mereka.
- 108.** Dan janganlah kamu memaki sembah yang mereka sembah selain Allah kerana mereka kelak akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa ilmu. Demikianlah Kami memperelokkan bagi setiap umat akan perbuatan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah, tempat kembalinya, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang telah mereka lakukan dahulu.
- 109.** Mereka bersumpah dengan nama Allah dengan segala kesungguhan bahawa sesungguhnya jika datang kepada mereka sesuatu mukjizat, pasti mereka beriman kepadanya. Katakanlah: «Sesungguhnya mukjizat itu hanyalah Allah jua yang menentukannya dan kamu tidak menyedari (wahai orang Islam) bahawa apabila mukjizat itu datang, mereka tidak juga akan beriman<sup>(1)</sup>».

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكُوا وَمَا جَعَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظًا وَمَا أَنْتَ عَلَيْهِمْ بِوَكِيلٍ ﴿١٠٧﴾

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٠٨﴾

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِنْ جَاءَ نَهُمْ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ لَيُبَايِعَنَّ بِهَا قُلُوبَهُمْ إِنْ مَا آتَاكَ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَعَنْ عَظْمِهِمْ وَعَمَا بَشَعَرُكُمْ أَنْهُمْ إِذَا جَاءَتْهُمُ آيَاتُنَا لَيَكْفُرْنَ بِهَا ﴿١٠٩﴾

1 Orang musyrikin bersumpah bahawa jika datang dari Allah mukjizat, mereka akan beriman, kerana itu, orang muslimin berharap kepada nabi Muhammad s.a.w agar Allah menurunkan mukjizat yang dimaksudkan. Maka Allah menolak pengharapan orang mukmin itu dengan ayat-ayat ini.

**110.** Dan Kami palingkan hati serta pandangan mereka sebagaimana mereka tidak mahu beriman kepada (al-Quran) pada permulaannya. Kemudian Kami biarkan mereka merab-raba dalam kesesatan yang membingungkan.

**111.** Kalau sekiranya Kami menurunkan malaikat kepada mereka dan orang yang telah mati berbicara dengan mereka serta kami himpulkan pula setiap sesuatu di hadapan mereka<sup>(1)</sup> pasti mereka tidak juga akan beriman kecuali jika dikehendaki Allah tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar).

**112.** Dan demikianlah Kami jadikan bagi setiap nabi itu musuh iaitu syaitan manusia dan jin. Sebahagiannya membisikkan kepada yang lain kata-kata yang indah susunannya untuk menipu (manusia)<sup>(2)</sup>. Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah mereka tidak melakukannya. Maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan.

**113.** Dan juga agar hati kecil orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat cenderung kepada bisikan itu, agar mereka

وَنُقَلِّبُ أَفْئِدَتَهُمْ وَأَبْصَارَهُمْ كَمَا لَمْ يُؤْمِنُوا بِهِ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَنَدْرُؤُهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١١٠﴾

﴿١١١﴾ \* وَلَوْ أَنزَلْنَا إِلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةَ وَكَانَ لَهُمُ الْمَوْتُ وَخَشَرْنَا عَلَيْهِمْ كُلَّ شَيْءٍ قُبُلًا مَا كَانُوا لِلْيُؤْمِينِ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ وَلَئِنْ أَكْثَرْتَهُمْ يَجْحَلُونَ ﴿١١٢﴾

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيْطَانِ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ وَالْحَيْوَاتِي بَعْضُهُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ زُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَذَرْهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١١٣﴾

وَلِيَصْعَقَ الْإِنْسُ الْقَائِدَةُ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ وَلِيَرْضَوْهُ وَلِيَقْتَرِفُوا مَا هُمْ مُقْتَرِفُونَ ﴿١١٣﴾

1 Untuk menjadi saksi bahawa nabi Muhammad s.a.w adalah rasul Allah.

2 Syaitan-syaitan jenis jin dan manusia yang sedaya upaya menipu manusia agar tidak beriman kepada nabi.

menyenangkannya dan agar mereka melakukan apa yang dilakukan oleh syaitan itu.

- 114.** Maka patutkah aku mencari hakim selain daripada Allah, sedangkan Dialah yang menurunkan kepada kamu kitab al-Quran yang jelas terperinci kandungannya?» Orang yang Kami berikan al-Kitab, mengetahui bahawa al-Quran itu diturunkan daripada Tuhanmu dengan sebenar-benarnya. Maka jangan sama sekali engkau termasuk golongan yang ragu-ragu.
- 115.** Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran) sebagai kalimah yang benar dan adil. Tidak ada sesiapa yang dapat mengubah sesuatu pun daripada kalimahNya. Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.
- 116.** Dan jika engkau mengikut kebanyakan orang yang ada di muka bumi pasti mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Tiada yang mereka ikuti kecuali sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta<sup>(1)</sup>.
- 117.** Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui sesiapa

أَفَغَيْرَ اللَّهِ أَبْتَغِي حَكَمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ  
إِلَيْكُمْ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ  
ءَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ مِنْ  
رَبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿١١٤﴾

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ  
لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١١٥﴾

وَإِنْ تُطْعَ أَكْثَرٌ مِنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ  
سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا  
يَخْرُصُونَ ﴿١١٦﴾

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَنْ يَضِلُّ عَنْ سَبِيلِهِ  
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١١٧﴾

1 Seperti menghalalkan memakan apa-apa yang telah diharamkan Allah, mengharamkan apa-apa yang telah dihalalkan Allah dan menyatakan bahawa Allah mempunyai anak.

yang sesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah.

**118.** Maka makanlah makanan yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika kamu beriman kepada ayat-ayatNya.

**119.** Dan mengapa kamu tidak mahu makan (sembelihan) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, sedangkan Allah telah menjelaskan kepada kamu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya. Sesungguhnya kebanyakan manusia hendak menyesatkan (orang lain) dengan nafsu mereka tanpa berdasarkan pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang melampaui batas.

**120.** Dan tinggalkanlah dosa yang zahir dan yang tersembunyi. Sesungguhnya orang yang melakukan dosa akan dibalas dengan apa yang mereka telah kerjakan.

**121.** Dan janganlah kamu memakan binatang yang tidak disebut nama Allah ketika menyembelihnya<sup>(1)</sup> kerana sesungguhnya perbuatan seumpama itu adalah perbuatan fasiq. Sesungguhnya syaitan itu membisikkan kepada pengikut-

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ  
إِنْ كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ  
وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا  
مَا اضْطُررْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لِّيُضِلُّونَ  
بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُعْتَدِينَ ﴿١١٩﴾

وَذَرُوا ظَهْرَ الْأَثَمِ وَالْبَاطِنَةَ إِنَّ الَّذِينَ  
يَكْسِبُونَ الْأَثَمَ سَيَجْزَوْنَ بِمَا كَانُوا  
يَفْعَلُونَ ﴿١٢٠﴾

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ  
وَأَنَّهُ لَفِئْسَ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ لِيُوحِىَ إِلَى  
أَوْلِيَائِهِمْ لِيَجْذِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ  
إِنَّكُمْ لَمُنْشَرُونَ ﴿١٢١﴾

1 Menyebut nama selain Allah.



pengikutnya agar mereka membantah kamu dan jika kamu mengikut hasutan mereka sesungguhnya kamu menjadi orang yang musyrik.

122. Dan adakah orang yang mati<sup>(1)</sup> kemudian Kami hidupakan dia semula serta Kami berikan kepadanya cahaya yang terang, yang membolehkan dia berjalan dengan cahaya itu di tengah-tengah masyarakat manusia, sama dengan orang yang tinggal di dalam gelap-gelita, yang dia tidak mampu keluar darinya? Demikianlah Kami jadikan orang yang kafir itu memandang baik apa yang mereka telah lakukan.
123. Dan demikianlah Kami jadikan dalam setiap negeri pembesar-pembesar yang jahat supaya mereka melakukan tipu daya di negeri itu. Hakikatnya mereka tidak memperdayakan selain daripada diri mereka sendiri, namun mereka tidak menyedarinya.
124. Dan apabila datang kepada mereka sesuatu ayat, mereka berkata: «Kami tidak akan beriman sehingga kami juga diberi (wahyu) sama seperti yang telah diberikan kepada pesuruh Allah». Allah lebih mengetahui di mana Dia menempatkan

أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ وَجَعَلْنَا لَهُ نُورًا يَمْشِي بِهِ فِي النَّاسِ كَمَن مَّثَلَهُ فِي الظُّلُمَاتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْكَافِرِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٢٢﴾

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا فِي كُلِّ قَرْيَةٍ أَكْبَرًا مُّجْرِمِيهَا لِيَمْلِكُوا فِيهَا وَمَا يَمْلِكُونَ إِلَّا أَلْبَانُفُسِهِمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿١٢٣﴾

وَإِذَا جَاءَتْهُمْ آيَةٌ قَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ حَتَّىٰ نُؤْتَىٰ مِثْلَ مَا أُوتِيَ رُسُلُ اللَّهِ اللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُ وَسَيَصِيبُ الَّذِينَ أَجْرَمُوا صَغَارٌ عِنْدَ اللَّهِ وَعَذَابٌ شَدِيدٌ لِّمَا كَانُوا يَمْكُرُونَ ﴿١٢٤﴾

1 Orang yang telah mati hatinya, iaitu orang kafir dan sebagainya.

tugas kerasulanNya. Orang yang melakukan perbuatan yang salah itu akan ditimpa kehinaan di sisi Allah dan azab yang sangat dahsyat, disebabkan oleh perbuatan tipu daya yang mereka lakukan.

125. Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk diberikan hidayah kepadanya pasti Dia melapangkan dadanya untuk menerima Islam. Begitu juga bagi sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, pasti Dia menjadikan dadanya sesak lagi sempit, seolah-olah dia sedang mendaki ke langit (dengan susah). Demikianlah Allah menimpakan seksaan kepada orang yang tidak beriman.
126. Dan inilah jalan Tuhanmu yang lurus. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat (Kami) bagi kaum yang mengambil peringat.
127. Bagi mereka disediakan syurga Darus-Salam<sup>(1)</sup>, di sisi Tuhan mereka. Dialah jua Pelindung mereka disebabkan amal soleh yang mereka selalu lakukan.
128. Dan (ingatlah) pada hari Allah akan menghimpunkan mereka semua, (lalu berfirman): «Wahai semua jin (syaitan)! Sesungguhnya kamu telah

فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ  
لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ  
صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا  
يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ  
الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾

وَهَذَا صِرَاطٌ رَبِّكَ مُسْتَقِيمًا قَدْ فَصَّلْنَا  
الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَذَّكَّرُونَ ﴿١٢٦﴾

﴿لَهُمْ دَارُ السَّلَامِ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَهُوَ وَلِيُّهُمْ  
بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾ ﴿١٢٧﴾

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ جَمِيعًا نَبِّئِ عَنِ الْجِنَّ قَدْ  
أَسْتَكْبَرْتُمْ مِنَ الْإِنْسِ وَقَالَ

1 Salah satu daripada nama Syurga.

mempunyai ramai pengikut daripada kalangan manusia». Pengikut mereka daripada golongan manusia berkata: «Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-lenang dengan sebahagian yang lain<sup>1)</sup> dan telah sampailah masa kami (hari kiamat) yang Engkau telah tentukan bagi kami». (Allah berfirman): «Nerakalah tempat kediaman kamu, kekalah kamu di dalamnya, kecuali apa yang dikehendaki Allah». Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

**129.** Dan demikianlah Kami jadikan sebahagian orang yang zalim itu menjadi teman bagi sebahagian yang lain disebabkan apa yang mereka usahakan.

**130.** Wahai semua jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu para rasul daripada kalangan kamu sendiri yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu dan memberikan peringatan kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari ini? Mereka menjawab: «Kami menjadi saksi atas diri kami sendiri». Kehidupan dunia juga telah menipu mereka dan mereka menjadi saksi atas diri sendiri bahawa mereka adalah orang yang kafir.

أُولَئِكَ أُوهُم مِّنَ الْإِنسِ رَبَّنَا اسْتَمَعَ  
بَعْضُنَا بِبَعْضٍ وَبَلَّغْنَا آجَلَنَا الَّذِي أَجَلْتَ  
لَنَا قَالَ النَّارُ مَثْوًى لَّكُمْ خَالِدِينَ فِيهَا إِلَّا  
مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٢٩﴾

وَكَذَلِكَ نُؤَيِّدُ بَعْضَ الظَّالِمِينَ بَعْضًا بِمَا  
كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٣٠﴾

يَمَعَشَرَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ  
رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ  
آيَاتِي وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا  
قَالُوا شَهِدْنَا عَلَىٰ أَنفُسِنَا وَعَدَّ لَهُمْ  
الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَشَهِدُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ  
أَنَّهُمْ كَاذِبُونَ ﴿١٣٠﴾

1 Syaitan telah berjaya memperdayakan manusia sehingga mengikuti perintah dan petunjuknya dan manusia pun telah mendapat hasil kelazatan-kelazatan duniawi kerana mengikuti pujukan syaitan itu.

131. Yang demikian itu adalah kerana Tuhanmu tidak akan membinasakan negeri-negeri itu secara zalim ketika penduduknya berada di dalam kelalaian.<sup>(1)</sup>

ذَٰلِكَ أَن لَّيَكُن رَّبُّكَ مُهْلِكَ الْكُفْرَى  
بُطْغَيْرِ وَأَهْلَاهَا غَافِلُونَ ﴿١٣١﴾

132. Dan bagi setiap seorang (disediakan) beberapa darjat (seimbang) dengan apa yang mereka telah lakukan. Tuhanmu tidak lalai terhadap apa yang mereka lakukan.

وَلِكُلِّ دَرَجَاتٍ مِّمَّا عَمِلُوا وَ مَا رَبُّكَ  
بِغَافِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٣٢﴾

133. Dan Tuhanmu Maha Kaya lagi mempunyai rahmat. Jika Dia kehendaki, pasti Dia akan membinasakanmu dan menggantikan kamu dengan sesiapa yang dikehendakiNya, sebagaimana Dia telah menjadikan kamu daripada keturunan kaum yang lain.

وَرَبُّكَ الْغَنِيُّ ذُو الرَّحْمَةِ إِن يَشَأْ  
يُذْهِبْكُمْ وَيَسْتَخْلِفْ مِنْ  
بَعْدِكُمْ مَّا يَشَاءُ كَمَا أَنشَأَكُم مِّن  
ذُرِّيَّةٍ قَوْمٍ آخَرِينَ ﴿١٣٣﴾

134. Sesungguhnya apa yang dijanjikan kepada kamu tetap akan datang dan kamu tidak akan dapat menolak (balasan itu).

إِن مَّا تَوْعَدُونَ لَأْتِيَنَّكُمْ وَمَا أَنْتُمْ  
بِمُعْجِزِينَ ﴿١٣٤﴾

135. Katakanlah: «Wahai kaumku! Buatlah sedaya upaya kamu, sesungguhnya aku tetap beramal (berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Islam). Kemudian kamu akan mengetahui siapakah yang akan mendapat hasil yang

قُلْ يَلْقَؤُمْ أَعْمَلُوا عَلَىٰ مَكَانَتِكُمْ إِنِّي  
عَامِلٌ فَسَوْفَ نَعْمُونَ مَن تَكُونُ  
لَهُ وَعِقبَةُ الدَّارِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿١٣٥﴾

1 Penduduk sesuatu kota tidak akan diazab sebelum diutus rasul yang akan memberi peringatan kepada mereka.

baik daripada dunia ini<sup>(1)</sup>.  
Sesungguhnya orang yang zalim itu tidak akan berjaya.

**136.** Dan mereka memperuntukkan bagi Allah sebahagian daripada hasil tanaman dan binatang ternakan yang diciptakan itu, lalu mereka berkata dengan sangkaan mereka: «Ini untuk Allah dan ini untuk berhala kami.» Maka apa yang telah ditentukan untuk berhala mereka tidak sampai kepada Allah manakala apa yang telah ditentukan untuk Allah sampai pula kepada berhala mereka. Sangat buruk apa yang mereka hukumkan itu.

**137.** Dan demikian juga pemimpin-pemimpin mereka yang menjadikan orang yang musyrik itu memandang baik perbuatan membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan dan mengelirukan mereka tentang agama mereka<sup>(2)</sup>. Kalau Allah kehendaki pasti mereka tidak melakukannya. Maka biarkanlah mereka dan apa yang mereka adakan itu.

وَجَعَلُوا لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ الْحَرْثِ  
وَالْأَنْعَامِ نَصِيبًا فَقَالُوا هَذَا لِلَّهِ  
بِرَعْمِهِمْ وَهَذَا لِشُرَكَائِنَا فَمَا كَانَ  
لِشُرَكَائِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى اللَّهِ وَمَا  
كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَى  
شُرَكَائِهِمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾

وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ  
قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ شُرَكَاءُ لَهُمْ لِيُرْدُوهُمْ  
وَلِيَلْبِسُوا عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ  
مَا فَعَلُوهُ قَدْ زُهِمَ وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾

1 Allah menjadikan dunia tempat mencari hasil yang baik, iaitu untuk kebahagiaan di akhirat.

2 Sebahagian orang Arab itu adalah penganut syariat nabi Ibrahim. Nabi Ibrahim pernah diperintahkan Allah mengorbankan anaknya, nabi Ismail. Kemudian pemimpin-pemimpin agama mereka mengelirukan pengertian berkorban itu sehingga mereka dapat menanamkan kepada pengikut-pengikutnya rasa memandang baik membunuh anak-anak mereka dengan alasan mendekati diri kepada Allah, sedangkan alasan yang sebenarnya ialah kerana takut miskin dan takut teraniya.

138. Dan mereka berkata lagi: «Ini adalah binatang ternakan dan tanaman yang dilarang, tidak boleh seorang pun memakannya kecuali sesiapa yang kami kehendaki»<sup>(1)</sup>, mengikut anggapan mereka dan (sejenis lagi) binatang ternakan yang dilarang menunggangnya serta (sejenis lagi) binatang ternakan yang mereka tidak menyebut nama Allah ketika menyembelihnya<sup>(2)</sup>. (Anggapan mereka itu) semata-mata pendustaan terhadap Allah. Allah akan membalas terhadap apa yang mereka telah adakan itu.

139. Dan mereka berkata lagi: «Apa yang ada dalam perut binatang ternakan itu<sup>(3)</sup> adalah halal bagi kaum lelaki kami dan haram atas isteri kami». Jika ia (dilahirkan) mati, maka kaum lelaki dan perempuan sama-sama boleh memakannya. Allah akan membalas terhadap ketetapan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

140. Sesungguhnya rugilah orang yang membunuh anak mereka, kerana kebodohan lagi tidak berilmu. Mereka juga mengharamkan apa

وَقَالُوا هَذِهِ أَنْعَامٌ وَحَرْثٌ حَجْرٌ لَا يَطْعَمُهَا  
إِلَّا مَنْ نَشَاءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَامٌ حُرِّمَتْ  
طُحُورُهَا وَأَنْعَامٌ لَا يَذْكُرُونَ  
أَسْمَاءَ اللَّهِ عَلَيْهَا افْتِرَاءً عَلَيْهِ  
سَيَجْزِيهِمْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿١٣٨﴾

وَقَالُوا مَا فِي بُطُونِ هَذِهِ الْأَنْعَامِ خَالِصَةٌ  
لِذُكُورِنَا وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰ أَزْوَاجِنَا وَإِنْ  
يَكُن مَيْتَةً فَهُمْ فِيهِ شُرَكَاءُ  
سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ إِنَّهُ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾

قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا  
بَغْيًا وَعَدُوًّا وَالشُّرَكَاءُ لِلَّهِ

1 Mereka seringkali menentukan binatang untuk pemujaan dan binatang ini hanya boleh dimakan oleh orang tertentu saja.

2 Binatang yang disembelih untuk berhala.

3 Binatang ternakan yang tidak boleh ditunggangi, seperti Bahirah dan Saibah.

yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka semata-mata mahu berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya mereka sesat dan tidak mendapat hidayah.

141. Dan Dialah yang menjadikan kebun yang tanamannya menjalar, dan tidak menjalar, pohon tamar dan tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya serta buah zaitun dan delima, yang serupa (warnanya atau daunnya) dan berlainan (rasanya). Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya. Janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berlebih-lebihan.
142. Dan di antara binatang ternakan itu, ada yang dijadikan sebagai pengangkutan dan ada yang untuk disembelih. Makanlah daripada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu adalah musuh yang nyata.
143. (Iaitu) lapan binatang yang berpasangan<sup>(1)</sup>, sepasang daripada kambing biri-biri (jantan betina)<sup>(2)</sup>

أَفْتَرَاءَ عَلَى اللَّهِ فَذَلُّوا وَمَا كَانُوا  
مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ  
وَعَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ  
مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَانَ  
مُتَشَابِهًا وَغَيْرَ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ  
إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا  
تَسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿١٤١﴾

﴿ وَمِنَ الْأَنْعَامِ حَمُولَةً وَفَرْشًا كُلُوا  
مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ  
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٤٢﴾

﴿ ثَمَانِيَةَ أَزْوَاجٍ مِّنَ الضَّأْنِ اثْنَيْنِ وَمِنَ

1 Ertinya; empat pasang, iaitu sepasang kambing biri-biri, sepasang kambing biasa, sepasang unta dan sepasang lembu.

2 Kambing biri-biri jantan dan kambing biri-biri betina.

dan sepasang daripada kambing biasa<sup>(1)</sup>. Katakanlah: «Adakah Allah mengharamkan kedua-dua ekor jantan atau kedua-dua ekor betina ataukah yang ada dalam kandungan kedua-dua ekor yang betina? Terangkanlah kepadaku berdasarkan ilmu pengetahuan jika kamu memang orang yang benar».

144. Dan sepasang daripada unta dan sepasang daripada lembu: «Adakah kedua-dua ekor jantan yang diharamkan ataukah kedua-dua ekor betina atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya? Apakah kamu menyaksikan ketika Allah menentukan bagi kamu?» Maka, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia tanpa ilmu pengetahuan? Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah kepada orang yang zalim.

145. Katakanlah: «Aku tidak mendapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya kecuali jika (ia) bangkai, darah yang mengalir atau daging khinzir kerana sesungguhnya ia adalah kotor atau sesuatu yang dilakukan secara fasiq, iaitu binatang yang

الْمَعْرَٰثِنَ ۚ قُلْ ۗءَآلَ الذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ  
أَمْ ۗالْأُنثَيَيْنِ ۚ أَمْآ أَشْتَمَلْتُمْ عَلَيْهِ ۗأَرْحَامُ  
الْأُنثَيَيْنِ ۚ نَبِّئُونِي بِعِلْمٍ ۚإِن كُنْتُمْ  
صَادِقِينَ ﴿١٤٣﴾

وَمِنَ الْإِبِلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ ۚ قُلْ  
ۗءَآلَ الذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمْ ۗالْأُنثَيَيْنِ ۚ أَمْآ  
أَشْتَمَلْتُمْ عَلَيْهِ ۗأَرْحَامُ ۗالْأُنثَيَيْنِ ۚ  
أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ ۚإِذْ وَصَّيْكُمْ ۗاللَّهُ  
بِهَذَا ۚفَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ ۗأَفْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ  
كَذِبًا لِّيُضِلَّ النَّاسَ بِعَدُوِّ عِلْمٍ  
ۚإِنَّ ۗاللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٤﴾

قُلْ لَا آجِدُ فِي مَا أُوْحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ  
يَطْعُمُهُ ۚإِلَّا ۗأَن يَكُونَ مَيْتَةً ۚأَوْ دَمًا  
مَّسْفُوحًا ۚأَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ ۚأَوْ  
فِسْقًا ۚأَهْلَ لِبَٰغٍ ۗاللَّهُ يَهْدِي ۚبِهِ فَمَنْ أَضْطَرَّ ۚعَدُوٌّ  
بَٰعٍ ۚوَلَا عَادٍ ۚفَإِن رَّبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٥﴾

1 Kambing jantan dan kambing betina.



disembelih di atas nama selain daripada Allah». Maka sesiapa yang dalam keadaan terpaksa dan dia tidak menginginya serta tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

**146.** Dan Kami mengharamkan ke atas orang Yahudi segala binatang yang berkuku<sup>(1)</sup>. Manakala daripada lembu dan kambing pula Kami mengharamkan lemaknya kepada mereka, kecuali yang ada pada belakangnya atau yang menyelaputi (dalam perutnya) atau yang bercampur dengan tulang. Demikianlah Kami membalas mereka kerana kederhakaan mereka. Sesungguhnya Kami adalah Maha Benar.

**147.** Kemudian jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad) maka katakanlah: «Tuhan kamu mempunyai rahmat yang luas melimpah-ruah dan seksaanNya tidak dapat ditolak oleh kaum yang berdosa».

**148.** Orang musyrik akan mengatakan: «Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan nenek moyang kami tidak mempersekutukanNya dan tidak

وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي  
ظُفْرٍ وَرِيبِ الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ حَرَّمْنَا  
عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا  
أَوِ الْحَوَايَا أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ذَلِكَ  
جَزَيْنَهُمْ بِمَعِيهِمْ وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴿١٤٦﴾

فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقُلْ رَبِّي كُودٌ وَرَحْمَةٌ  
وَاسِعَةٌ وَلَا يُرْدُّ بَأْسَهُ عَنِ الْقَوْمِ  
الْمُجْرِمِينَ ﴿١٤٧﴾

سَيَقُولُ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا  
أَشْرَكْنَا وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَمْنَا مِن شَيْءٍ

1 Binatang berkuku di sini ialah binatang yang jari-jemarinya tidak terpisah di antara satu sama lain seperti unta, itik, angsa dan lain-lain. Sebahagian ahli tafsir mengertikan dengan binatang yang berkuku satu seperti kuda, keldai dan lain-lain.

pula kami mengharamkan sesuatu apa pun». Demikianlah juga orang yang terdahulu sebelum mereka telah mendustakan (para rasul) sehingga mereka merasai azab Kami. Katakanlah: “Adakah kamu mempunyai (sesuatu bukti yang berdasarkan) ilmu supaya kamu dapat tunjukkan kepada kami? Kamu tidak mengikut kecuali sangkaan semata-mata dan kamu pula tidak lain hanyalah berdusta».

149. Katakanlah: «(Kalau kamu sudah tidak ada sesuatu bukti) maka Allah mempunyai bukti yang nyata. Oleh itu, jika Dia kehendaki pasti Dia akan memberi hidayah kepada kamu semua».
150. Katakanlah: «Bawalah saksi kamu yang memberi keterangan bahawa Allah mengharamkan (apa yang kamu haramkan) ini». Kemudian jika mereka (tergamak) menjadi saksi (secara dusta), maka janganlah engkau ikut membenarkan mereka. Begitu juga janganlah engkau ikuti nafsu orang yang mendustakan ayat-ayat Kami dan orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, sedang mereka pula menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka.
151. Katakanlah: «Marilah agar aku bacakan apa yang telah

كَذَلِكَ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ  
ذَاقُوا بِآسَاتِنَا فُلْ هَلْ عِندَكُم مِّنْ عِلْمٍ  
فَتُخْرِجُوهُ لَنَا إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ  
أَنْتُمْ إِلَّا تُخْرِصُونَ ﴿١٤٩﴾

فَلْيَلِلهِ الْحُجَّةُ الْبَالِغَةُ فَلَوْ شَاءَ لَهَدَيْنَاكُمْ  
أَجْمَعِينَ ﴿١٥٠﴾

فُلْ هَلْ مَعَكُم شُهَدَاءُ كُمُ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ  
أَنَّ اللَّهَ حَرَّمَ هَذَا فإِنْ شَهِدُوا فَلَا تَشْهَدُ  
مَعَهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا  
بِعَايَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ  
وَهُمْ يَبْرِيهِمْ يَعِدُوْنَ ﴿١٥١﴾

﴿١٥١﴾ فُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّي كُمْ

diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu menyekutukan Allah dengan sesuatu pun, hendaklah (kamu) melakukan kebaikan kepada ibu bapa, janganlah kamu membunuh anak kamu kerana (takut) kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan mereka, janganlah kamu menghampiri perbuatan keji (zina) yang terang dan yang tersembunyi dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan jalan yang benar<sup>(1)</sup>. Dengan yang demikian itulah Allah memerintahkan kamu, semoga kamu berfikir.

152. «Dan janganlah kamu menghampiri (mengambil) harta anak yatim kecuali dengan cara yang baik sehingga dia baligh, dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil». Kami tidak membebankan seseorang dengan kewajiban kecuali mengikut kemampuannya.» Apabila kamu mengatakan sesuatu maka hendaklah kamu berlaku adil, sekali pun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu)<sup>(2)</sup> dan perjanjian Allah hendaklah

عَلَيْكُمْ ۖ لَا تَشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا  
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ  
مِنْ إِمَائِكُمْ ۖ مَنْ نَزَرُكُمْ وَإِيَّاهُمْ  
وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ  
وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ  
ذَلِكَ وَمَصَدِّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥٢﴾

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ  
حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانِ  
بِالْقِسْطِ ۖ لَأَنْكَرَ لَكُمْ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا  
قُلْتُمْ فَأَعْدِلُوا وَلَا تُكْسِفَتِ دَافِعَتِي  
وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ۚ ذَٰلِكُمْ وَمَصَدِّكُمْ بِهِ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٣﴾

1 Yang dibenarkan oleh syarak seperti qisas, membunuh orang murtad, rejam dan sebagainya.

2 Mengatakan yang sebenarnya meskipun merugikan kaum kerabat sendiri.

kamu tunaikan. Demikianlah Allah memerintahkan kamu agar kamu mengambil peringatan».

- 153.** Dan sesungguhnya inilah jalanKu yang lurus. Maka hendaklah kamu mengikutinya, janganlah kamu mengikut jalan (selain Islam) kerana jalan itu memisahkan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah memerintahkan kamu semoga kamu bertaqwa.
- 154.** Kemudian Kami telah memberikan kepada Musa al-Kitab (Taurat) untuk menyempurnakan (nikmat Kami) kepada orang yang telah melakukan kebaikan dan untuk menerangkan setiap sesuatu serta menjadi hidayah dan rahmat agar mereka beriman kepada pertemuan dengan Tuhan mereka.
- 155.** Dan ini sebuah kitab (al-Quran) yang Kami turunkan, yang diberkati. Maka, hendaklah kamu mengikutinya dan bertaqwalah (kepada Allah) semoga kamu dirahmati.
- 156.** Agar kamu tidak mengatakan: «Bahawa al-Kitab (agama) itu hanya diturunkan kepada dua golongan (Yahudi dan Nasrani) terdahulu sebelum kami dan sesungguhnya kami lalai terhadap apa yang dibaca dan dipelajari oleh mereka».

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ  
وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ  
ذَٰلِكُمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

ثُمَّ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ تَمَامًا عَلَى  
الَّذِي أَحْسَنَ وَتَفْصِيلًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى  
وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ بِلِقَاءِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿١٥٤﴾

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مَبَّارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ  
وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٥٥﴾

أَن تَقُولُوا إِنَّمَا أَنْزَلَ الْكِتَابَ عَلَى طَائِفَتَيْنِ مِنْ  
قَبْلِنَا وَإِنْ كُنَّا عَنْ دِرَاسَتِهِمْ لَغَافِلِينَ ﴿١٥٦﴾

**157.** Atau agar kamu (tidak) mengatakan: «Sesungguhnya kalau diturunkan al-Kitab kepada kami tentulah kami mendapat hidayah lebih daripada mereka». (Kamu tidak akan dapat berdalih lagi) kerana sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti (yang cukup) daripada Tuhan kamu dan hidayah serta rahmatNya (yang melimpah-limpah). Maka, siapakah yang lebih zalim lagi daripada orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan berpaling daripadanya? Kami akan membalas orang yang berpaling daripada ayat-ayat Kami (dengan) azab yang sangat buruk kerana mereka sentiasa berpaling (mengingkarinya).

**158.** Apakah (yang ditunggu-tunggu oleh mereka yang tidak beriman itu?) Mereka tidak menunggu kecuali datangnya malaikat (yang mencabut nyawa mereka), atau datangnya Tuhanmu (untuk menentukan kedudukan hamba-hambaNya) atau datangnya sebahagian daripada tanda Tuhanmu (yang menjadi alamat hari kiamat). Pada hari datangnya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan) Tuhanmu itu, tidak berfaedah lagi iman seseorang yang tidak beriman sebelum itu atau yang tidak berusaha melakukan kebaikan terhadap imannya. Katakanlah:

أَوْتَقُولُوا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْنَا الْكِتَابُ  
لَكُنَّا أَهْدَىٰ مِنْهُمْ فَقَدْ جَاءَكُمْ  
بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ  
فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن كَذَبَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَصَدَفَ  
عَنْهَا سَخِرَ بِهَا الَّذِينَ يَصْدِفُونَ عَنْ آيَاتِنَا  
سُوءَ الْعَادَابِ بِمَا كَانُوا يَصْدِفُونَ ﴿١٥٧﴾

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلَائِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ  
رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ  
آيَاتِ رَبِّكَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيْمَانُهَا لِئَلَّا تَكُنْ  
ءَامِنَةً مِّن قَبْلِ أَوْ كَسَبَتْ فِي إِيمَانِهَا  
خَيْرًا قُلِ انظُرُوا أَنَا مُنظَرُونَ ﴿١٥٨﴾

«Tunggulah kamu dan kami pun sebenarnya menunggu (akan apa yang telah dijanjikan oleh Tuhan kepada kami)».

- 159.** Bahawasanya orang yang memecah-belahkan agama mereka sehingga mereka menjadi berpuak-puak, engkau tidak dipertanggungjawabkan sedikit pun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka (pada hari kiamat) apa yang telah mereka lakukan.
- 160.** Sesiapa yang membawa amal kebaikan, maka baginya (ganjaran) sepuluh kali ganda (daripada kebaikan) yang sama dengannya. Dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas kecuali (kejahatan) yang sama dengannya, sedang mereka tidak dizalimi (sedikit pun).
- 161.** Katakanlah: «Sesungguhnya aku telah diberikan hidayah oleh Tuhanku ke jalan yang lurus (kepada) agama yang teguh, iaitu agama Ibrahim yang lurus dan dia bukan daripada orang musyrik».
- 162.** Katakanlah: «Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan semesta alam.

إِنَّ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِعَاعًا لَّمْ يَسْتَمِعْ لَهُمُ اللَّهُ فِي نَسْوِهِ إِنَّمَا أَمْرُهُمْ إِلَى اللَّهِ يُرِيدُ بَنِيهِمْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿١٥٩﴾

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْرَىٰ إِلَّا لَأَمْتِهَا وَهُمْ لَا يُظَاهَرُونَ ﴿١٦٠﴾

قُلْ إِنِّي هَدَيْتَنِي رَبِّيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قَيْمًا مِثْلَهُ آبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَتْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

163. Tidak ada sekutu bagiNya dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang paling awal menyerahkan diri.
164. Katakanlah: «(Selepas aku mentauhidkan Allah dan berserah diri kepadaNya) patutkah aku mencari Tuhan selain Allah, sedangkan Dialah Tuhan bagi setiap sesuatu? Tidak ada (kejahatan) yang diusahakan oleh setiap seorang kecuali orang itulah sahaja yang menanggung dosanya. Seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain. Kemudian kepada Tuhan kamulah tempat kamu kembali, lalu Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu perselisihkan.
165. Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi dan Dia meninggikan beberapa darjat sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) untuk menguji kamu terhadap apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaanNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

لَا شَرِيكَ لَهُ، وَيَدْعُكَ لِأَوَّلِ الْمَسْإِلِينَ ﴿١٦٣﴾

قُلْ أَغْبَرَ اللَّهُ الْبَغِيَّ رِبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ  
وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ  
وِازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ  
مَرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿١٦٤﴾

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ وَرَفَعَ  
بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوكُمْ فِي مَا  
ءَاتَاكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ  
لَعَزِيزٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾